

# Mahathir sedih askar terkorban

B.H.-60CT 1993

SUBANG, Selasa, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sedih terhadap kematian seorang anggota Batalion Malaysia (Malbatt) di Somalia semalam ketika bertugas dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sambil mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Mat Aznan Awang, Perdana Menteri berkata, kejadian sedemikian tidak dapat dilakukan apabila menyertai operasi PBB.

"Kita sedar apabila kita menghantar pasukan keselamatan bertugas dengan PBB, ada kemungkinan (kejadian anggota terkorban) ini berlaku. Tetapi kita tidak boleh menarik diri semata-mata kerana ia bahaya, sebaliknya perlu menjalankan tugas.

"Kita berharap pasukan keselamatan yang dihantar itu dapat menjalankan tugas dengan selamat," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, petang ini, sekembalinya dari menghadiri persidangan PBB ke-48 di New York.

Ditanya apakah perlu pendekatan dan strategi baru bagi operasi pengaman PBB, Perdana Menteri berkata, Malaysia terakluk di bawah payung PBB dan tidak mempunyai kuasa mempengaruhi dasar PBB.

"Namun kita harap, kita dapat memainkan peranan dalam mewujudkan dasar dan pendekatan PBB kerana bukanlah menjadi tugas kita untuk menekan mana-mana pihak," katanya.

Menurutnya, kejadian anggota tentera Malaysia terkorban mungkin disebabkan orang Somalia tidak puas hati atau marah kepada PBB kerana tindakan pihak tertentu.

Beliau berkata, orang Somalia sepatutnya bekerjasama dengan pasukan keselamatan PBB dan bukan berperang kerana misi pasukan pengaman adalah untuk memastikan

bekalan makanan sampai.

Sementara itu di ALOR STAR: Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata, Malaysia kesal dengan PBB yang gagal membuat pertimbangan menyeluruh dalam pendekatan operasinya di Somalia menyebabkan anggota Malbatt menjadi mangsa.

Menurutnya, PBB seolah-olah terpengaruh dengan cara tindakan Amerika Syarikat dengan memberi penekanan terhadap tindakan ketenteraan dalam operasi pasukan pengaman.

Katanya, tindakan itu menyebabkan ketegangan meningkat di Somalia sehingga rakyat negara itu menganggap semua tentera pengaman PBB sebagai musuh mereka.

"Saya bimbang kita akan menjurus ke arah pertembungan pasukan tentera dengan rakyat Somalia dan ini akan memburukkan keadaan di sana.

"Askar kita memang mendapat sanjungan rakyat Somalia, tetapi mereka menjadi sasaran apabila memasuki kawasan di mana satu tindakan ketenteraan sedang berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menziarahi Siti Zawiyah Yahya, 28, balu Prebet Mat Aznan Awang, 32, yang terkorban dalam serangan hendap di Somalia di Kem Lapangan Terbang di sini, hari ini.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wan Abu Bakar Wan Mohamad dan Panglima 2 Divisyen, Mej Jen Datuk Ali Dollah.

Najib berkata, Malaysia mendesak PBB mengurangkan penekanan terhadap aspek ketenteraan di Somalia bagi mendapatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat dalam usaha mengendurkan ke-

## Cara Amerika timbul ketegangan

DARI MUKA 1

B.H.-60CT 1993

tegangan yang berlaku. Katanya, PBB sepatutnya memberi tumpuan terhadap usaha memulihkan keadaan di Somalia di samping cuba mendapatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat untuk membantu operasi PBB.

"Malaysia akan cuba menasihatkan PBB memberi pertimbangan secara menyeluruh terhadap tindakan awam terutama dari segi psikologi.

"Operasi PBB di Somalia nampaknya lebih mirip kepada tindakan ketenteraan sedangkan usaha yang lebih penting ialah menarik sokongan rakyat kepada usaha PBB," katanya.

Menjawab soalan, Najib berkata, walaupun tidak bersetuju dengan pendekatan tentera Amerika

Syarikat, Malaysia tidak boleh mengambil sebarang tindakan yang dianggap berpihak kepada satu golongan saja.

Sebaliknya, katanya, Malaysia akan cuba mengajukan satu pendekatan yang lebih menyeluruh kepada PBB dan tidak mengikut cara tindakan Amerika Syarikat yang boleh membawa ketegangan lebih buruk.

Najib berkata, keadaan seorang anggota yang cedera parah kini sudah stabil selepas menjalani pembedahan.

Menurutnya, Kementerian Pertahanan membuat persiapan membawa jenazah Allahyarham Mat Aznan dan rakannya yang cedera parah pulang ke tanah air.